JAWATAN	**:**	**PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PERANCANG BANDAR DAN DESA)**
GRED JAWATAN	**:**	**N5**
SKIM PERKHIDMATAN	**:**	**PENOLONG PEGAWAI TADBIR**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	**:**	**PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	**:**	**PELAKSANA**
TARAF JAWATAN	**:**	**TETAP**
LOKASI	**:**	**KUALA LUMPUR**
JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	**:**	**RM1,650.00 – RM6,620.00 PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.1/2024**
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	**:**	**RM145.00**
IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM	**:**	**RM160.00 SEBULAN**
IMBUHAN TETAP PERUMAHAN	**:**	**RM300.00 SEBULAN**
BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP	**:**	**RM350.00 SEBULAN**

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

   (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
   (Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau

   (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
   (Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau

   (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
   (Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau

   (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
   (Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,893.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT UNIVERSITI:

Keutamaan kepada calon yang memiliki sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/SPMV serta berkeupayaan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris, sama ada secara lisan mahupun penulisan.

SYARAT TAMBAHAN:

1. Mempunyai kelayakan dalam bidang Perancang Bandar dan Desa diberi keutamaan.
2. Mempunyai pengetahuan baik berkaitan akta perancangan dan akta perundangan tanah.
3. Mempunyai pengetahuan asas bidang kejuruteraan ukur tanah dan kejuruteraan awam.
4. Mempunyai kemahiran menggunakan perisian AutoCAD.
5. Berkebolehan mengurus, menganalisis dan mentafsir data Sistem Maklumat Geografi (GIS).

DESKRIPSI TUGAS:

Bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja yang berkaitan pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan, perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan majlis rasmi, mengendalikan urusan Konsuler dan Penguatkuasaan Undang-undang.

1. Melaksanakan pemantauan dan merekod proses pemajuan tanah melibatkan urusan Kebenaran Merancang dan pecah sempadan tanah.
2. Mengendalikan dan menguruskan proses serahan kawasan tanah UTM (pengambilan sebahagian tanah, wakaf, izin lalu dan sebagainya).
3. Melaksanakan pemantauan rapi *(closed monitoring)* urus niaga hartanah UTM di lapangan.
4. Menyedia pelan *layout* cadangan pemajuan projek berskala kecil.
5. Melaksanakan pemantauan tanah sempadan.
6. Menyertai pra-rundingan bersama agensi luar dan PTJ lain.
7. Menyediakan dokumen, kertas kerja dan laporan teknikal hartanah UTM.
8. Melaksanakan tugas lain yang diarahkan berkaitan perancangan dan pembangunan tanah.

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian https://mohonjawatan.utm.my/lantikan/ dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang sah, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. (Pengesahan oleh Pegawai Gred 9 dan ke atas).
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.